

Muhammad Alias Mohd Afindi



Bendahari Sekretariat Rakan
Integriti Mahasiswa, Universiti
Sains Islam Malaysia



Kemahiran
berbahasa
asing
memudahkan
komunikasi
dengan
segenap lapisan
masyarakat.

Mahasiswa lemah berbahasa asing

Mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT) boleh dikatakan golongan paling sibuk dengan pelajaran dan kepimpinan, tetapi sayangnya hanya segelintir daripada mereka dapat berbahasa asing.

Betapa ruginya mahasiswa tidak dapat berbahasa asing ketika menuntut di menara gading kerana IPT medan terbaik untuk mempelajari bahasa asing.

Kata pepatah, 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih'. Seorang pakar bahasa di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menyatakan mahasiswa kini lemah berbahasa asing kerana sikap mereka tidak berusaha untuk menguasai atau menggunakan bahasa yang dipelajari.

Mereka juga lebih gemar bersikap 'cepat berpuas hati' dengan apa-apa yang ada. Mahasiswa perlu sedar bahawa sikap itu tidak ubah seperti budaya 'makan suap' ketika belajar di sekolah.

Antara punca utama mahasiswa lemah berbahasa asing ialah pertama, penguasaan kosa kata

yang lemah; kedua, tidak ada budaya atau biah penggunaan bahasa; dan ketiga, lulus peperiksaan walaupun lemah berbahasa asing.

Pelajar harus ada kesedaran mengenai kepentingan berbahasa asing dalam diri supaya mereka berusaha memperkuh penguasaannya.

Pelbagai alasan

Selain itu, pelbagai konflik timbul dalam diri pelajar untuk berbahasa asing, antaranya malu atau segan dan tiada motivasi.

Mereka juga tiada strategi atau cara penggunaan bahasa asing dengan berkesan. Oleh sebab itu mereka tidak mempunyai daya saing untuk menggunakan bahasa asing apabila bertutur.

Dalam konteks ini, mahasiswa memberikan pelbagai alasan seperti persekitaran yang tidak memberangsangkan untuk bertutur dalam bahasa asing. Bagaimanapun pensyarah di FPBU, Prof Madya Dr Rosni Samah, berkata persekitaran itu sebenarnya boleh dibentuk.

Sebenarnya pelajar

“

BAGI MENGA-
TASI KELEMA-
HAN BERBA-
HASA, PELAJAR
HENDAKLAH
MENGETAHUI
STRATEGI DI-
PERKENALKAN
OLEH OXFORD
UNTUK PEM-
BELAJARAN
BAHASA ING-
GERIS YANG
DINAMAKAN
SILL”

sendiri perlu menghidupkan persekitaran itu. Sebagai contoh di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), iklan yang dipaparkan menggunakan bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Komunikasi dalam kalangan pelajar tempatan dan penuntut asing juga menggunakan dua bahasa berkenaan. Persekitaran itu dicipta oleh pelajar sendiri.

Bagaimanapun, realiti sekarang ialah kita tidak mencipta persekitaran itu, sebaliknya mewarisi persekitaran yang dibawa sejak zaman persekolahan.

Dr Rosni berkata, bagi mengatasi kelemahan berbahasa, pelajar hendaklah mengetahui strategi diperkenalkan oleh Oxford untuk pembelajaran bahasa Inggeris yang dinamakan 'Strategy Inventory Language Learning (SILL)'.

Aset penting

Bagi bahasa Arab pula, pelajar boleh menggunakan strategi dikemukakan dalam penulisan bertajuk 'Suggested Strategy For Non-Arabic Speaker In Learning Arabic Language' yang diterbitkan

oleh Jurnal ISI di Perancis. Selain itu, pelajar juga hendaklah mencipta biah berbahasa yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun untuk memantapkan kemahiran berbahasa, selain mempelbagaikan bahan bacaan serta mengikis sikap malu berbahasa asing.

Kesimpulannya, berbahasa asing ini perlu untuk menunjukkan kebolehan pelajar universiti. Penguasaannya menjadi aset penting dan berguna kepada semua pelajar dalam menempuh alam pekerjaan kelak.

Majikan dalam pelbagai sektor kerajaan mahupun swasta sangat menitikberatkan kebolehpasaran pelajar yang mampu berbahasa asing. Pelajar perlu memupuk nilai keperibadian profesional, antaranya memiliki kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa.

Pendek kata, pelajar hendaklah melakukan revolusi terhadap sikap mereka, iaitu seperti proses ulat bulu yang asalnya kepompong kemudian menjadi rama-rama yang berterbangan di taman bunga.